

TEKNIK DAN STRATEGI CEMERLANG DALAM PENGAJIAN ILMU QIRAAT

**Muhammad Fadhli Tarmizi Ashaary*, Mohd Faizulamri Mohd Saad, &
Mohd Nazri Ahmad**

*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
p120749@siswa.ukm.edu.my **

ABSTRACT

This article discusses effective learning techniques and strategies in the study of Qiraat beginning with the challenges of achieving excellence among tahfiz students which are often influenced by factors such as moderate interest, variable attitudes, limitations in discipline during repetition of memorization and the lack of systematic learning approaches. Mastery of matan requires an in-depth study to identify effective learning strategies. This study employs a qualitative methodology through semi-structured interviews and document analysis with outstanding students at selected tahfiz institutions in Terengganu followed by analysis to highlight relevant themes and key learning practices. The findings indicate that factors such as morals, attitudes, interest, discipline, and learning styles have a direct impact on the mastery of Qiraat while long-term strategies such as talaqqi and musyafahah, oral drills, the use of teaching aids, habitual practice of sunnah acts and the use of a single mushaf enhance reading accuracy and memorization stability. Specific techniques such as systematic repetition, Qiraat gamification, computer visualization, group tadabbur, Qiraat wirid, and tafahhum mushaf further strengthen understanding of the structure and references of Qiraat in depth. This study concludes that the combination of appropriate strategies and techniques not only improves students' academic performance but also enhances their morals, discipline and spiritual awareness of the Quran thereby contributing to comprehensive excellence in the tradition of Qiraat knowledge.

Keywords: *Excellent Learning, Qiraat Knowledge, Tahfiz Students, Learning Strategies, Learning Techniques, Discipline and Morals, Talaqqi*

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan teknik dan strategi pembelajaran cemerlang dalam pengajian ilmu Qiraat bermula dengan permasalahan kecemerlangan pelajar tahfiz yang sering dipengaruhi oleh faktor seperti minat sederhana, sikap yang berubah-ubah, kekangan disiplin dalam pengulangan hafazan dan kekurangan pendekatan pembelajaran yang sistematik serta penguasaan matan memerlukan kajian yang mendalam bagi mengenal pasti strategi pembelajaran yang berkesan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui temubual separa berstruktur dan analisis dokumen terhadap pelajar cemerlang di institusi tahfiz terpilih di Terengganu seterusnya dianalisis bagi menonjolkan tema yang berkaitan dan amalan pembelajaran utama. Dapatan menunjukkan bahawa faktor akhlak, sikap, minat, disiplin dan gaya pembelajaran memberikan kesan secara langsung kepada penguasaan Qiraat manakala strategi jangka panjang seperti *talaqqi* dan *musyafahah*, latihan tubi *syafawi*, penggunaan bahan bantu mengajar, kelaziman amalan sunat dan penggunaan satu mushaf meningkatkan ketepatan bacaan serta kestabilan hafazan. Teknik khusus seperti pengulangan secara sistematik, gamifikasi Qiraat, visualisasi komputer, *tadabbur* secara berkumpulan, *wirid* Qiraat dan *tafahhum mushaf* pula memperkukuh kefahaman berkaitan struktur dan rujukan Qiraat secara mendalam. Kajian ini merumuskan bahawa gabungan strategi dan teknik yang tepat bukan sahaja meningkatkan prestasi akademik pelajar malah meningkatkan

akhlak, disiplin dan kesedaran rohani mereka terhadap al-Quran sekali gus menyumbang kepada kecemerlangan yang menyeluruh dalam tradisi ilmu Qiraat.

Kata Kunci: Pembelajaran Cemerlang, Ilmu Qiraat, Pelajar tahfiz, Strategi Pembelajaran, Teknik Pembelajaran, Disiplin dan Akhlak, *Talaqqi*

PENGENALAN

Antara ciri utama pembelajaran cemerlang menurut para sarjana pendidikan ialah penguasaan ilmu serta pengamalannya secara berterusan dalam kehidupan seharian (Kamarul Azmi Jasmi, 2010). Aspek pengamalan ini merupakan asas utama dalam tradisi pendidikan Islam kerana proses menuntut ilmu tidak hanya melibatkan penguasaan pengetahuan sedia ada tetapi juga pengukuhan akhlak, amalan dan personaliti pelajar itu sendiri. Menurut al-Ghazali, seseorang pelajar mahupun pendidik perlu mengamalkan ilmu dan ajarannya kerana pembinaan peribadi yang cemerlang bermula dengan mendidik diri sendiri sebagaimana pengamalan ilmu ini merupakan syarat pencapaian pendidikan secara menyeluruh (Abdul Salam Yussof, 2010). Tambahan pula, didikan melalui kaedah ikutan dianggap sebagai bentuk pendidikan yang paling berkesan dan mempunyai kedudukan tertinggi dalam membentuk personaliti dan disiplin pelajar (Ab. Halim Tamuri et al., 2004).

Walau bagaimanapun, dalam aspek pembelajaran Ilmu al-Qiraat, terdapat beberapa isu kritikal yang menjadi perhatian utama penulis dan institusi pendidikan. Antaranya ialah wujud perbezaan atau kekurangan yang ketara antara penguasaan teori dan praktikal bacaan qiraat dalam kalangan pelajar. Kajian menunjukkan bahawa sebahagian pelajar mengetahui teori mengenai hukum bacaan, sifat huruf dan kaedah *turuq* namun gagal mengaplikasikannya secara tepat dalam amalan bacaan sebenar (Nik Mohd Rahimi & Shahabuddin, 2015). Kekeliruan ini telah menimbulkan kebimbangan dan persoalan tentang keberkesanan kaedah penyampaian ilmu yang terlalu mengutamakan kuliah dan hafalan tanpa latihan praktikal yang intensif. Mohd Khafidz Soroni (2012) turut menegaskan bahawa penguasaan qiraat memerlukan gabungan antara teori dan praktikal. Jika tidak, pelajar akan sukar memahami kepelbagaian bacaan, *makhraj* dan sifat huruf yang hanya dapat dibentuk melalui *talaqqi* dan *musyafahah*.

Selain itu, kajian tempatan menunjukkan bahawa terdapat isu kelemahan motivasi dan disiplin belajar dalam kalangan pelajar Qiraat khususnya apabila mereka lebih bergantung kepada kuliah formal berbanding latihan pengulangan yang berterusan (Fauzi Deraman, 2017). Hal ini tidak selaras dengan sifat pembelajaran al-Quran dan Qiraat yang memerlukan kepada pengulangan berkali-kali, *talaqqi bersanad* dan bimbingan rapat bersama guru. Sebahagian pelajar juga menunjukkan tahap penglibatan aktif yang rendah dalam kelas sama ada dalam bentuk pertanyaan, pembentangan dan latihan praktikal sedangkan aspek-aspek ini sangat membantu mengukuhkan pemahaman dan meningkatkan ketepatan bacaan (Che Ghani Che Kob, 2016). Kelemahan berinteraksi dan berkomunikasi secara aktif ini menjadi salah satu faktor kelemahan penguasaan praktikal qiraat dalam kalangan pelajar.

Dalam sudut pengajaran dan pembelajaran pula, terdapat kekeliruan mengenai perbezaan antara strategi dan teknik pembelajaran dalam kalangan guru dan pelajar. Strategi merujuk kepada perancangan jangka panjang yang bersifat menyeluruh untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu (Zainora Daud et al., 2019) manakala teknik ialah tindakan praktikal yang diaplikasikan dalam kelas bagi melaksanakan strategi tersebut (Mohammad Ibrahim Md. Khalis, 2021). Kekeliruan ini sering menyebabkan guru Qiraat tidak melakukan strategi yang sistematik atau menggunakan teknik

mengajar yang sesuai dengan objektif latihan qiraat. Beberapa kajian mendapati bahawa guru Qiraat masih lagi menggunakan pendekatan tradisional seperti bacaan berulang semata-mata tanpa teknik moden seperti pembelajaran berkumpulan, penggunaan teknologi, atau pendekatan pemantauan yang dapat meningkatkan kefahaman pelajar (Norfaezah Mohd Yusof & Nik Mohd Rahimi, 2014).

Kesemua isu ini menunjukkan adanya keperluan yang mendesak untuk meneliti bagaimana pelajar cemerlang dalam Ilmu Qiraat berjaya mengatasi cabaran tersebut melalui pengamalan ilmu, penguasaan praktikal berasaskan latihan intensif serta penggunaan strategi dan teknik pembelajaran yang tepat. Kajian terhadap amalan pelajar cemerlang juga dapat memberi sumbangan penting kepada pembangunan model pembelajaran Qiraat yang lebih tersusun, berkesan dan sesuai dengan keadaan pendidikan semasa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan tujuan utama untuk mengumpul, menapis, dan menganalisis data secara sistematik bagi menjawab soalan penyelidikan yang telah dirumuskan. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia dapat memahami secara mendalam mengenai pengalaman, pandangan dan amalan peserta kajian terutamanya dalam aspek pembelajaran ilmu Qiraat yang ditentukan oleh persepsi individu, nilai budaya, dan pengalaman peribadi (Creswell, 2014; Merriam & Tisdell, 2016).

Peserta kajian terdiri daripada lima orang pelajar cemerlang ilmu Qiraat daripada setiap institusi yang terlibat iaitu Kolej Al-Quran Terengganu dan Institut Pengajian Islam Kemaman serta seorang guru Qiraat daripada setiap institusi. Pemilihan peserta kajian dibuat berdasarkan kriteria kecemerlangan akademik dan prestasi dalam penguasaan Qiraat bagi memastikan maklumat yang diperoleh benar-benar mencerminkan amalan pembelajaran pelajar cemerlang (Patton, 2015).

Data dikumpul melalui instrumen temubual separa berstruktur. Instrumen temubual direka untuk membolehkan peserta berkongsi pengalaman dan strategi pembelajaran mereka secara bebas. Kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen telah disemak terlebih dahulu bagi memastikan pertanyaan temubual sesuai, jelas dan mampu menghasilkan data yang betul serta bertepatan dengan objektif kajian (Creswell & Poth, 2018).

Proses pengumpulan data dijalankan dalam tempoh tiga bulan di institusi terpilih di Terengganu. Temubual direkodkan dan transkrip dianalisis secara teliti untuk mencari makna tersirat dalam setiap jawapan peserta. Analisis data melibatkan beberapa peringkat bermula dari penapisan data, pengkodan, pengelompokan kod kepada kategori dan seterusnya penghasilan tema-tema utama yang muncul secara semula jadi daripada data (Braun & Clarke, 2006). Pendekatan ini membolehkan penulis mengenal pasti konsep dan strategi pembelajaran yang berterusan di kalangan pelajar cemerlang serta menilai faktor-faktor yang menyokong atau menghalang kecemerlangan mereka.

Keseluruhan proses analisis bertujuan untuk menghasilkan gambaran yang menyeluruh dan terperinci tentang amalan pembelajaran pelajar cemerlang dalam bidang Qiraat. Hasil daripada analisis ini berpotensi dalam memberi sumbangan kepada pengembangan metodologi pembelajaran Qiraat, meningkatkan amalan terbaik dalam pendidikan al-Quran dan menyediakan panduan praktikal bagi guru dan pelajar dalam usaha meningkatkan penguasaan ilmu Qiraat secara berkesan (Merriam & Tisdell, 2016; Patton, 2015).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini diperkuat melalui penemuan kajian terdahulu yang sesuai dengan faktor-faktor kecemerlangan dan amalan pelajar dalam aspek pengajian Islam khususnya bidang al-Quran dan Ilmu Qiraat. Analisis mendapati bahawa kecemerlangan pelajar dalam Ilmu Qiraat tidak hanya bergantung kepada penguasaan akademik semata-mata namun ia juga berkait rapat dengan aspek dalaman dan kesedaran diri pelajar seperti sikap, minat, dan disiplin.

Tema kajian yang melibatkan teknik dan strategi cemerlang dalam pengajian Ilmu Qiraat menekankan amalan pembelajaran secara menyeluruh dalam kehidupan seorang pelajar meliputi akhlak, sikap, minat, hasrat untuk mempelajari sesuatu ilmu dan disiplin dalam menguruskan masa. Meskipun banyak kajian terdahulu tertumpu kepada pengajian al-Quran dari sudut ilmiahnya, pengajian Ilmu al-Qiraat ini perlu bergerak seiring dan sama dengan pengajian al-Quran itu sendiri secara amnya dan khususnya kepada pelajar yang mendalami Ilmu al-Qiraat. Oleh itu, kecemerlangan dalam Ilmu Qiraat memerlukan bukan sahaja kepada pemahaman teori tetapi juga dengan pendekatan strategi dan teknik yang betul.

Secara ringkasnya, hasil kajian semasa ini juga mendapati bahawa strategi pembelajaran yang tersusun dan teknik pembelajaran yang betul berperanan penting dalam memastikan pemahaman yang mendalam dan pembelajaran yang berkesan. Hal ini menjadi titik permulaan kepada perbincangan seterusnya mengenai strategi dan teknik khusus yang diamalkan oleh pelajar cemerlang. Akhirnya, teknik dan strategi cemerlang ini dilihat sebagai titik tolak untuk menjadikan seseorang pelajar itu cemerlang bukan sahaja pada luaran tetapi juga dalaman.

STRATEGI KECEMERLANGAN

Strategi pembelajaran merujuk kepada rancangan menyeluruh atau pendekatan jangka panjang yang dirancang oleh guru untuk mencapai objektif pembelajaran tertentu (Zainora Daud et al., 2019). Penghafalan yang berkesan adalah penting untuk kejayaan dalam qiraat. Pelajar cemerlang menggunakan pelbagai strategi untuk meningkatkan ingatan mereka antaranya termasuklah:

a. **Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah***

Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* adalah merupakan strategi yang paling utama yang mana merupakan bacaan secara langsung dari pensyarah yang mengajar. Kaedah ini telah pun merangkumi kaedah keseluruhan kelas dan kaedah individu itu sendiri (Aisyah Juri, 2009). Mereka perlu membaca dan memastikan sebutan huruf yang dibaca itu adalah betul dan tidak ada kesalahan dalam bacaan. Terdapat dua variasi praktikal bacaan bagi Imam-Imam Qiraat. Pertama, bacaan secara *ifrad* iaitu bacaan dan manhaj yang dipelajari satu persatu. Kedua, bacaan secara *jama'* iaitu bacaan dan manhaj semua imam-imam qiraat yang dihipunkan dalam satu ayat yang dipelajari (Ummi Kalsum Zulkifli & Zainora Daud).

b. **Kaedah latih tubi dan soal jawab dalam ilmu Qiraat**

Selain itu, pembelajaran bersama rakan sebaya juga menjadi penyebab kecemerlangan seseorang pelajar itu dengan melakukan sesi latih tubi bersama atau dikenali *syafawi*. Melalui kaedah ini, para pelajar dapat memperdengarkan bacaan ayat-ayat al-Quran di hadapan rakan mereka mengikut sukatan yang telah ditetapkan. Sekiranya ada kesalahan, rakan mereka membimbing dan memberitahu kesalahan tersebut (Ummi Kalsum Zulkifli & Zainora Daud).

Setiap pelajar yang telah atau sedang menghafaz al-Quran hendaklah mempunyai peruntukan masa yang disediakan untuk mengulangi al-Quran yang telah dihafaz. Menurut Muriyah Abdullah et. al. (2015), pelaksanaan aktiviti tasmik di peringkat sekolah dikawal dan diberikan perhatian oleh guru tasmik yang telah dipertanggungjawabkan. Namun begitu, di peringkat pengajian tinggi, pelajar melaksanakan tasmik bergantung kepada disiplin dan latihan kendri sebagai asas dalam aktiviti pengulangan al-Quran.

c. **Penggunaan Alat Bantu Mengajar**

Penggunaan buku teks dan buku rujukan menjadi sumber utama dalam merealisasikan bacaan al-Quran secara praktikal dengan baik. Kebanyakan pelajar akan menggunakan al-Quran qiraat sebagai buku rujukan (Mohd Zaini Shafiai, 2022). Penggunaan bahan bantu mengajar berteknologi seperti peranti elektronik dan aplikasi digital dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid tahfiz. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan bahan bantu mengajar berteknologi adalah sederhana hingga tinggi, namun masih terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan galakan dalam penggunaannya (Muhd Zulhilmi Haron et al. 2020).

Selain itu Penggunaan papan rehal dan alatan penunjuk yang sesuai dapat memberikan keselesaan kepada para pelajar yang menghafaz al-Quran dan alatan penunjuk kedudukan hafazan dapat membantu para pelajar fokus kepada kedudukan bacaan dan ayat al-Quran yang ingin dihafaz (Muhammad Shafee,2022).

d. **Melazimi amalan sunat**

Bagi pelajar yang ingin memulakan hafazan al-Quran dan al-Qiraat, mereka digalakkan untuk mensyaratkan diri melazimi amalan sunat. Antara amalan sunat yang boleh dipraktikkan ialah puasa sunat, menghidupkan malam (*qiyamullail*), sedekah, dan sebagainya (Al-Qalamuni, 1996). Puasa sunat dapat melatih pelajar agar menjaga diri daripada perkara yang mencacatkan kemuliaan ibadah seperti marah, bergaduh dan sebagainya. Qiyamullail pula bertujuan untuk menyucikan jiwa.

Selain itu, pada waktu hening malam, hati lebih mudah menerima sesuatu yang suci iaitu *Kalamullah* (Al-Nawawi, t.th). Simboliknya, amalan-amalan sunat ini menguji kemampuan pelajar untuk menahan nafsu dan syahwat, menambah daya dan kekuatan pelajar untuk mengendalikan nafsu, serta membenihkan sifat-sifat terpuji (Abu Mazaya, 2010).

e. **Penggunaan satu *mushaf* untuk mempelajari ilmu al-Qiraat**

Penggunaan satu *mushaf* bagi pelajar untuk mengingat sesuatu ilmu adalah bertujuan untuk membantu dalam proses mengingat kembali secara visual (Al Qalamuni, 1996). Dalam pembelajaran ilmu al-Qiraat, pelajar bukan hanya perlu menghafaz setiap kalimah dalam ayat, bahkan pelajar juga perlu mengingat susun atur seperti *matan* dan *bait* yang dihafaz, lokasi ayat yang dihafaz, dan sebagainya.

Selain itu, terdapat tanda-tanda yang perlu digariskan bagi ayat-ayat yang sukar untuk menghafaz. Oleh kerana itu, penggunaan *mushaf* yang sama amat perlu bagi pelajar. Hal ini akan memudahkan pelajar untuk mengingat kembali dalam simpanan memori (Sa'dullah, t.th). Sekiranya pelajar menggunakan *mushaf* yang berbeza, kesannya proses menghafaz akan terganggu dan keliru (M. Taqiyul Islam, t.th).

TEKNIK KECEMERLANGAN

Teknik ialah tindakan atau kaedah khusus yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan strategi pengajaran (Mohammad Ibrahim Md. Khalis, 2021). Penemuan kami mendedahkan bahawa pelajar cemerlang menggunakan gabungan teknik tradisional dan inovatif untuk mencapai kecemerlangan dalam qiraat. Antara teknik yang dapat kami simpulkan adalah seperti berikut:

a. **Teknik Ikutan dan Pengulangan secara sistematik**

Kaedah ini adalah merupakan kaedah didikan yang paling tinggi dan berkesan dalam pendidikan akhlak Islam (Ab. Halim Tamuri et al. 2004). Para pelajar akan lebih mudah terkesan terhadap ilmu yang disampaikan oleh guru yang menyayangi mereka serta memberi tunjuk ajar dengan penuh hikmah dan kesabaran serta sangat berpegang teguh kepada ilmu dan agama sama ada dari segi aspek kebiasaan harian, ibadat, adab-adab dan panduan agama.

Elemen perwatakan seseorang juga tidak boleh dipandang sepi dalam merealisasikan matlamat negara kearah pendidikan yang berkualiti (Mohd Sahandri Gani et al., 2010). Menurut Muhammad Shatar et al (2006), perwatakan seseorang itu merangkumi keadaan fizikal yang kemas atau tidak kemas. Pemikiran, gaya dan penggunaan bahasa akan menzahirkan imej seseorang yang lahir dari sifat dalaman sama ada positif atau negatif (Muhmmad Shatar et al. 2006).

Sifat sabar dalam diri pelajar turut menjadi pemangkin kepada penerimaan sesuatu ilmu yang dipelajari. Hal ini disokong oleh ramai pengkaji yang turut menyatakan bahawa kesabaran yang tinggi perlu ada dalam diri setiap diri para pelajar kerana mereka pasti akan berdepan dengan pelbagai karenah dan tingkah laku yang berbeza (Khalip & Hariza, 2015; Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010).

Pengulangan secara terancang bermaksud pengulangan dilakukan secara sistematik dan penggunaan ruang masa yang efektif. Ini kerana kajian Teresia dan Siswanto (2014) mendapati pengulangan yang terancang dan tidak memakan masa yang lama mempunyai kesan yang lebih positif terhadap ingatan berbanding pengulangan tanpa perancangan ataupun memakan masa yang terlalu lama. Sebaik pengulangan adalah antara tiga hingga lima kali pengulangan.

b. **Teknik latih tubi ayat bergilir dan gamifikasi qiraat**

Teknik ini bertujuan untuk memahami dan mengingati matan-matan qiraat itu sendiri. Ilmu Qiraat ini memiliki beberapa matan dan ianya berperanan untuk memberi kefahaman kepada para pelajar. Matan yang digunakan adalah sebagai asas dan rujukan dalam mendalami ilmu al-Qiraat ini dan ianya telah disepakati oleh ulama qiraat (Gumaa Ahmed Himmad et al. 2023). Antara contoh pelaksanaan kaedah ini adalah pelajar wajib menghafaz dalil-dalil yang terdapat dalam matan qiraat mengikut tajuk dan bab yang berkaitann. Kemudian, mereka akan diuji oleh pensyarah mereka secara rawak.

Teknik pengajaran yang efektif dapat memberi kefahaman dan dan mengawasi aktiviti-aktiviti pelajar dan mewujudkan kondisi pembelajaran yang positif dan kondusif (Ab Halim Tamuri et al., 2011). Oleh itu, teknik gamifikasi qiraat amat signifikan untuk meningkatkan minat dan motivasi dalam pendidikan ilmu al-Qiraat kerana ia mengandungi elemen-elemen permainan dan kepenggunaan yang akan mencabar pemain untuk berusaha menyempurnakannya (Nor Azura Abd Rahman,2022).

c. **Teknik Visualisasi**

Kaedah terbaik dalam pembentangan visual adalah melalui kaedah pengkomputeran. Ini diperkuatkan oleh McCormick, Defanti, & Brown (1987) yang menyatakan secara langsung bahawa visualisasi adalah satu kaedah pengkomputeran. Visualisasi mampu menggabungkan pelbagai disiplin ilmu secara semula jadi. Ia dapat menghubungkan grafik komputer, kejuruteraan komputer, sains maklumat dan pelbagai bidang lain. Gershon (1994) juga menyatakan bahawa terdapat lebih daripada satu kaedah visualisasi pengkomputeran kerana visualisasi adalah proses membawa maklumat ke dalam bentuk visual, yang membolehkan pengguna untuk menyelidik maklumat tersebut.

Dalam bidang pendidikan, kebanyakan teknik dan elemen visualisasi maklumat disampaikan melalui reka bentuk perisian kursus dan laman web. Dengan cara ini, pelajar tidak akan berasa bosan dengan kaedah satu hala dan tradisional yang berterusan. Ini akan menghasilkan pembelajaran yang lebih berkualiti dan berkesan (Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Muhammad Rozaime Ramlee, Nadirah Mohd Amin, 2018).

d. **Teknik Tadabbur dan Wirid Qiraat**

Tadabbur merupakan amalan penting yang digesa oleh Allah SWT kepada manusia agar segala tuntutan al-Quran dilaksanakan. Jika dicermati, perbuatan tadabbur dikhususkan hanya kepada al-Quran, tidak kepada perkara yang lain kerana ini menunjukkan ketinggian mukjizat al-Quran (Nurul Zakirah 2014). Tadabbur dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab *dabara yadburu* atau *yadburu* bermaksud belakang atau bahagian terakhir daripada sesuatu. Perkataan ini adalah kata terbitan yang diambil daripada *feel dabara* dalam bentuk *mazid* dengan dimasuki huruf *ta'* dan *tashdid* huruf *ba'*. Lalu membentuk perkataan *tadabbara yatadabburu tadabburan* yang memberikan maksud *tafakkuran* (Ibn Manzur, 1994; Mustafa, 1972).

Walau bagaimanapun, beberapa aspek perlu di ambil berat iaitu melakukan aktiviti tadabbur al-Quran secara berkumpulan kerana hal ini akan lebih menarik dan membantu dalam berkumpulan atau lebih dikenali sebagai pembelajaran komperatif. Banyak kajian telah membuktikan bahawa pembelajaran komperatif mampu memberi kesan yang baik terhadap pencapaian, motivasi dan sikap pelajar (Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod 2017, Hasliza 2012, Christina 2009, Ariegusrini Agus & Mohamad Johdi Salleh 2009).

Antara teknik lain yang digunakan adalah teknik wirid qiraat di mana seorang guru telah menetapkan kepada pelajar untuk membaca surah pilihan menggunakan riwayat-riwayat yang tertentu contohnya, Surah Ad-Dhuha dibaca mengikut riwayat Hamzah (Siti Norlina Masri et al. 2021). Hal ini juga boleh menyebabkan para pelajar belajar dan beranggapan bahawasanya ilmu Qiraat ini bukan sahaja ilmu yang diajar di dalam kelas, malahan ianya adalah satu ibadah.

e. **Teknik Tafahhum Mushaf (Pemahaman Berstruktur)**

Al-Quran al-Karim yang ditulis dengan Rasm Uthmani di zaman mutakhir ini telah tersebar dengan meluasnya ke seluruh dunia Islam. Ulama' telah mengambil perhatian, dengan melakukan kajian dan penjagaan yang teliti terhadap penulisan al-Quran yang ditulis oleh para sahabat r.a di hadapan Rasulullah s.a.w. Cukuplah apabila ditanya kepada Imam Malik r.a tentang apakah boleh menulis al-Quran mengikut ejaan semasa? Beliau menjawab mestilah menulis mengikut kaedah yang ditulis oleh penulis wahyu (Ali Muhammad Dabba, 1999). Kaedah tersebut telah dibukukan oleh ulama' dalam beberapa bentuk bahawa Rasm Uthmani mempunyai enam usul seperti berikut: *al-Hazf, al-Ziyadah, al-Badl, al-Hamz, al-Fasl wa al-Wasl, Ma fi qiraatain kutiba ala ihdahuma* (Ahmad bin Muhammad al-Banna, 1987).

Penguasaan ilmu Rasm ini bagi seorang yang menghafaz al-Quran memang tidak dapat dinafikan penting kerana boleh dikatakan setiap ahli masyarakat pada zaman moden ini merujuk ilmu ini pada orang yang ahli pada bidangnya (Aslam Farah Binti Selamat, Shahrudin Bin Pangilun, Mardiah Binti Yahaya, 2018). Tidak ketinggalan juga dengan ilmu qiraat ini yang mana merupakan sebahagian dari ilmu al-Quran itu sendiri.

Teknik ini juga mengajar para pelajar memahami sistem rasm, tanda wakaf, dan anotasi khas dalam satu mushaf Qiraat sahaja yang mana bertujuan untuk melatih para pelajar membaca mushaf ini seperti membaca nota yang bukan sekadar lafaz, tetapi juga kepada struktur. Contohnya, Mushaf al-Qiraat Sab'ah atau Mushaf Syatibiyyah (Dr. Abu al-Fida' al-Rashid, 2022).

KESIMPULAN

Amalan pembelajaran pelajar cemerlang ilmu qiraat ini bergantung kepada gaya pembelajaran dan teknik pembelajaran yang betul serta strategi yang berkesan dalam mencapai kecemerlangan dalam bidang ini. Gabungan semua kaedah dan teknik-teknik ini akan melahirkan pelajar bukan sahaja cemerlang dalam bidang qiraat ini, juga dalam bidang al-quran yang mendekatkan diri kita dengan Tuhan. Berdasarkan teknik dan strategi yang digunakan, penulis menyedari ianya dapat membantu dalam pembacaan ini dan merealisasikan dalam kehidupan mereka seharian dengan lebih berkesan. Secara konklusinya, semoga kajian ini dapat menambah kefahaman dan pengetahuan sedia ada dalam kalangan pelajar serta dapat memberi manfaat kepada pembaca yang lain.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri, A., et al. (2011). *Teknik pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Mazaya. (2010). *Amalan sunat dalam pendidikan dan pengajaran Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilmiah.
- Ahmad bin Muhammad al-Banna. (1987). *Rasm Uthmani: Prinsip dan kaedah penulisan al-Quran*. Mesir: Dar al-Kutub.
- Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Muhammad Rozaimi Ramlee, & Nadirah Mohd Amin. (2018). *Visualisasi maklumat dalam pembelajaran al-Quran: Pendekatan digital dan interaktif*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali Muhammad Dabba. (1999). *Sejarah penulisan al-Quran dan Rasm Uthmani*. Riyadh: Dar al-Nashr.
- Al Qalamuni. (1996). *Amalan sunat dalam pendidikan al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi. (t.th). *Amalan ibadah dan pembinaan peribadi pelajar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Aisyah Juri. (2009). *Kaedah talaqqi dan musyafahah dalam pembelajaran al-Quran*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Qiraat.
- Aslam Farah Binti Selamat, Shahrudin Bin Pangilun, & Mardiah Binti Yahaya. (2018). *Penguasaan Rasm Uthmani dalam kalangan pelajar tahfiz*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod. (2017). *Pembelajaran komperatif dan keberkesanan akademik pelajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademik.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Che Ghani Che Kob. (2016). *Penglibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Qiraat*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Fauzi Deraman. (2017). *Motivasi dan disiplin belajar pelajar Qiraat: Kajian di institusi tahfiz*. Terengganu: Kolej Al-Quran Terengganu.
- Gershon, N. (1994). *Visualization in computer-based learning*. New York: Springer.
- Gumaa Ahmed Himmad, et al. (2023). *Strategi hafazan dan pemahaman matan qiraat*. Riyadh: Dar al-Nashr.
- Ibn Manzur. (1994). *Lisan al-Arab* (ed. modern). Beirut: Dar Sader.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Ciri-ciri pembelajaran cemerlang dan amalan pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Khalip, N., & Hariza, H. (2015). *Sabar dan disiplin dalam pembelajaran al-Quran: Satu kajian pedagogi*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McCormick, B., Defanti, T., & Brown, M. (1987). Visualization in scientific computing. *Computer Graphics*, 21(6), 1–12.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. (2010). *Kesabaran dan keberkesanan pembelajaran pelajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademik.
- Mohammad Ibrahim Md. Khalis. (2021). *Strategi dan teknik pembelajaran Qiraat di institusi pendidikan tinggi*. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd Khafidz Soroni. (2012). *Penguasaan teori dan praktikal Qiraat: Analisis keberkesanan latihan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Sahandri Gani, et al. (2010). *Perwatakan dan pembangunan personaliti pelajar dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Zaini Shafiai. (2022). *Penggunaan al-Quran Qiraat sebagai sumber rujukan praktikal*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Qiraat.
- Muhammad Shafee. (2022). *Penggunaan alatan bantu mengajar dalam hafazan al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Shatar, et al. (2006). *Perwatakan pelajar dan pencapaian akademik: Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhd Zulhilmi Haron, et al. (2020). *Penggunaan teknologi dalam pembelajaran al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Muriyah Abdullah, et al. (2015). *Pelaksanaan aktiviti tasmik di sekolah dan institusi tinggi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mustafa, S. (1972). *Ilmu dan kaedah tadabbur al-Quran*. Cairo: Dar al-Fikr.
- Nurul Zakirah. (2014). *Tadabbur al-Quran: Pendekatan pedagogi dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Mohd Rahimi & Shahabuddin. (2015). *Penguasaan teori dan praktikal dalam ilmu Qiraat*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Azura Abd Rahman. (2022). *Gamifikasi Qiraat: Teknik meningkatkan motivasi pelajar*. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Norfaezah Mohd Yusof & Nik Mohd Rahimi. (2014). *Pendekatan pengajaran Qiraat tradisional dan moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademik.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

- Sa'dullah. (t.th). *Memori visual dan penguasaan ilmu al-Qiraat*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Qiraat.
- Siti Norlina Masri, et al. (2021). *Wirid qiraat dan amalan ibadah dalam pembelajaran al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Teresia, & Siswanto. (2014). *Pengulangan terancang dan keberkesanan hafazan*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.
- Ummi Kalsum Zulkifli & Zainora Daud. (t.th). *Kaedah talaqqi dan latih tubi dalam penguasaan Qiraat*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainora Daud, et al. (2019). *Strategi pembelajaran berkesan dalam pendidikan al-Quran dan Qiraat*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.